

MIROS 2008

WIBOZL Laporan Tahunan





“Sikap adalah satu perkara yang mesti dititikberatkan. Oleh itu self-regulation atau pengawalan sendiri adalah penting kerana kita percaya keselamatan diri sendiri adalah tanggungjawab kita bukan kerana undang-undang atau disebabkan adanya penguatkuasaan di jalan raya...”

Prof Dato’ Ir Radin Umar bin Radin Sohadi

MENGENAI MIROS



Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) ditubuhkan pada 3 Januari 2007, dan ia berfungsi sebagai sebuah pusat sehati untuk penjaan dan penyebaran ilmu serta maklumat tentang keselamatan jalan raya. Institut ini mencapai matlamat tersebut dengan menjalankan penyelidikan dan kajian yang mendalam serta menilai prosedur sedia ada berkaitan keselamatan jalan raya, bagi menjana maklumat dan bukti yang bakal menjadi teras pembangunan program intervensi untuk meningkatkan keselamatan jalan raya.

MIROS diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dan dari segi pentadbiran ia terbahagi kepada tiga Pusat Penyelidikan dan dua Bahagian. Pusat-pusat tersebut adalah Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya, Pusat Penyelidikan Biomekanik dan Keselamatan Kenderaan dan Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya dan Alam Sekitar manakala Bahagian pula adalah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan serta Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Ilmu.

Perutusan

Perutusan Menteri Pengangkutan	4
Perutusan Ketua Setiausaha	5
Laporan Ketua Pengarah	6

Mengenai MIROS

Lembaga Pengarah	14
Pengurusan	16
Visi / Misi / Objektif	17
Carta Organisasi	18

Pusat/Bahagian

Pejabat Ketua Pengarah	19
Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya dan Alam Sekitar	20
Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya	23
Pusat Penyelidikan Biomekanik & Keselamatan Kenderaan	24
Bahagian Pentadbiran & Kewangan	27
Bahagian Penerbitan & Pengurusan Ilmu	28

Laporan

Laporan Kewangan	32
Laporan Aktiviti Dalaman & Luaran	42

Penyelidikan

Senarai Penyelidikan yang dilaksanakan pada tahun 2008	50
Imbasan Penyelidikan di MIROS	53





DATUK SRI ONG TEE KEAT
Menteri Pengangkutan Malaysia

Era globalisasi hari ini adalah seiring dengan pembangunan pesat yang boleh dilihat pada sistem jalan raya di Malaysia. Pembangunan tersebut membawa bersama peningkatan bilangan kenderaan, bilangan pemandu dan juga jumlah perjalanan. Peningkatan tersebut merupakan testimoni bahawa Malaysia sedang bergerak secara progresif dan dinamik. Kerajaan amat peka dengan senario dewasa ini berkaitan dengan keselamatan jalan raya di Malaysia. Dengan tujuan menambah baik situasi tersebut, MIROS telah dipertanggungjawabkan untuk mengemukakan bukti bagi menyokong perancangan dan pengenalan polisi berkaitan keselamatan jalan raya. Laporan Tahunan ini memberikan gambaran secara umum tentang usaha-usaha MIROS.

Saya ingin menyatakan terima kasih dan tahniah kepada MIROS untuk komitmen dan kesungguhan di dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia.

Pada tahun kedua sejak penubuhannya, MIROS semakin giat menjalankan kegiatan penyelidikan untuk mendapatkan bukti-bukti yang dapat mengengahkan agenda keselamatan jalan raya di Malaysia. Laporan Tahunan MIROS 2008 ini sangat penting kerana ia boleh menjadi bahan rujukan kepada agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan dan para penyelidik bukan sahaja di dalam malah juga luar negara. Komitmen MIROS jelas dilihat daripada aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan Laporan Tahunan MIROS 2008. Prestasi yang dicapai bagi tahun 2008 haruslah dijadikan pengukur kepada pencapaian di masa depan. Semoga usaha MIROS menjadikan jalan raya di Malaysia lebih selamat akan tercapai.



DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI BAHARI
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan



PROF DR AHMAD FARHAN BIN MOHD SADULLAH
Ketua Pengarah

Tahun 2008 dimulakan dengan azam yang tekad untuk MIROS terus memberikan impak kepada keselamatan jalan raya di peringkat nasional dan global. Prestasi dan pencapaian tahun 2007 telah menjadi pemangkin kepada MIROS untuk terus aktif dengan rentak yang sama pada tahun 2008. Melalui penambahan sumber manusia dan suntikan darah baharu di MIROS, tahun 2008 telah menyaksikan keupayaan MIROS menandingi pencapaian 2007, tahun rintisnya.

Sebagai sebuah pusat kecemerlangan nasional, MIROS perlu meningkatkan kapasiti dengan pantas dalam pelbagai aspek bagi membantu melaksanakan fungsinya dalam memberikan penyelidikan berasaskan bukti bagi menghasilkan dasar dan intervensi keselamatan jalan raya untuk Malaysia. Tahun 2008 menyaksikan pemantapan perkara ini, terutamanya melalui usaha konstruksi semula nahas (*crash reconstruction analysis*) dan pembangunan Sistem Analisis Kemalangan Jalan Raya dan Pangkalan Data MIROS (MROADS).

Keupayaan aktiviti penyiasatan kemalangan oleh pasukan “konstruksi semula nahas”

untuk membantu memperkenalkan pelbagai intervensi di peringkat nasional perlu dimantapkan segera. Tahun 2008 menyaksikan penambahan penyiasatan kemalangan yang dilakukan dari 65 untuk tahun 2007 ke 168 untuk tahun 2008. Walaupun tiada dasar baharu diperkenalkan, hasil penyiasatan kemalangan MIROS terus dijadikan bukti dan motivasi bagi semua pihak untuk mengusahakan supaya dasar-dasar yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan dengan segera dan dengan jayanya. Seperti tahun sebelumnya, pasukan MIROS telah terlibat dalam beberapa kes inkuiri Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Malaysia (LPKP).

Di samping memantapkan prosedur operasinya, usaha siasatan kemalangan ini telah membuka peluang penyelidikan kepada ahli-ahli pasukannya. Melihat kepada kepentingan usaha penyiasatan kemalangan ini, ahli kumpulan penyiasat telah dikembangkan melangkaui Unit Rekonstruksi Kemalangan dan telah meliputi pegawai penyelidikan dari unit dan pusat lain.

Bagi membolehkan MIROS terus memberi impak melalui penyelidikan berasaskan

bukti, ia memerlukan sebuah pangkalan data kemalangan yang mempunyai himpunan data yang komprehensif dan juga yang mudah dicapai. Untuk tujuan tersebut, sebuah sistem yang dinamakan Sistem Analisis Kemalangan Jalan Raya dan Pangkalan Data MIROS (MROADS) telah berjaya dibangunkan dalam tahun 2008. MROADS telah membolehkan pelbagai carian mengikut sebarang *cross-tabulation* bagi membolehkan seseorang pegawai penyelidik menyediakan bukti melalui statistik mengenai keadaan atau keseriusan sesuatu kes keselamatan jalan raya.

MROADS juga membenarkan analisa berperingkat dilakukan bagi memahami trend dan juga kelakuan aspek keselamatan jalan raya di Malaysia. MIROS ingin merakamkan penghargaan kepada Polis Diraja Malaysia kerana telah memberikan kerjasama penuh dengan menyediakan data kemalangan jalan raya kepada pihak MIROS.

Asas kepada pendekatan strategik keselamatan jalan raya Malaysia adalah penggunaan matriks Haddon yang menekankan intervensi dari dimensi pengguna, kenderaan dan jalan serta

persekitarannya bagisituasi sebelum, semasa dan selepas perlanggaran. Pendekatan ini juga telah menjadi asas kepada operasi MIROS, dan ia jelas dilihat melalui struktur organisasi MIROS yang mempunyai pusat penyelidikan khusus bagi setiap dimensi tersebut: Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah laku Pengguna Jalan Raya (RUBC) untuk pengguna, Pusat Penyelidikan Biomekanik dan Keselamatan Kenderaan (VSB) untuk kenderaan dan Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya dan Alam Sekitar (REER) untuk jalan dan persekitarannya.

Matriks Haddon juga telah menjadi panduan bagi pengenalan intervensi keselamatan jalan raya di Malaysia. Semasa sasaran untuk pencapaian keselamatan jalan raya 2006–2010 dibangunkan, beberapa intervensi telah digunakan sebagai asas untuk pencapaian sasaran tersebut. Setiap intervensi ini telah dirancang supaya diperkenalkan mengikut masanya dan melaluinya memberikan hasil yang diinginkan supaya ianya mampu mengurangkan kematian, dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya di Malaysia. Sasaran dua (2) kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar dijangka dapat



“...sebuah sistem yang dinamakan Sistem Analisis Kemalangan Jalan Raya dan Pangkalan Data MIROS (MROADS) telah berjaya dibangunkan dalam tahun 2008.”





“MIROS telah memantau tahap pemakaian sebelum pengenalan undang-undang tersebut, dan akan terus memantau tahap pematuhan pemakaian setelah undang-undang diperkenalkan.”

dicapai sekiranya program intervensi seperti pengenalan undang-undang tali pinggang keledar belakang, sistem penguatkuasaan automatik (AES), iniatif pemakaian topi keledar, dan lain-lain terlaksana seperti dirancang.

Aktiviti MIROS pada tahun 2008 dipenuhi dengan pelbagai aktiviti untuk memastikan intervensi-intervensi ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Di antaranya, MIROS telah membantu usaha Kementerian Pengangkutan untuk memperkenalkan undang-undang pemakaian tali pinggang keledar belakang pada 1 Januari 2009. MIROS telah memantau tahap pemakaian sebelum pengenalan undang-undang tersebut, dan akan terus memantau tahap pematuhan pemakaian setelah undang-undang diperkenalkan.

MIROS juga telah membantu Kementerian Pengangkutan untuk melaksanakan AES yang meliputi aktiviti penyediaan lokasi untuk kamera AES berasaskan data kemalangan, sehinggalah penilaian teknikal dan kewangan terhadap pemilihan pembekal perkhidmatan.

MIROS terus terlibat dalam menilai keberkesanan program-program berasaskan komuniti terutamanya untuk pemakaian topi keledar. Program pendidikan keselamatan jalan raya juga dilaksanakan secara penuh pada tahun 2008, dan pelaksanaan program tersebut untuk Tahun 1 telah berjaya dijalankan. MIROS teruterlibat untuk menilai semua iklan-iklan keselamatan jalan raya sebelum ia diterima pakai untuk penggambaran.

Salah satu dasar yang perlu diberi perhatian khusus adalah pelaksanaan pemakaian piawai UNECE R66 dan R80 yang bermatlamat pematuhan semua bas ekspres terhadap struktur bas yang lebih tegap dan *anchorage* tempat duduk yang mantap yang berupaya menampung impak sekiranya bas terlibat dalam kemalangan jalan raya. MIROS menjadi peneraju di dalam aktiviti teknikal yang diperlukan dan bekerja rapat bersama SIRIM dan JPJ untuk tujuan ini. Dalam hal ini, pemahaman keperluan teknikal, peningkatan kapasiti dan pengenalan aspek perundangan diperlukan.

MIROS juga berperanan untuk memantau pencapaian pelaksanaan dasar dan strategi yang diperkenalkan di peringkat kebangsaan.

Dalam tahun 2008, MIROS terus menilai keberkesanan Ops Bersepadu ke XIV dan XVII untuk Tahun Baru Cina dan untuk Hari Raya Aidilfitri. Di samping itu, MIROS terus memberi impak terhadap pelaksanaan Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran (SHE) untuk kenderaan perdagangan terutamanya bas ekspres. Audit terhadap beberapa syarikat yang bersetuju dan yang diwajibkan menggunakan SHE dalam operasi harian mereka telah dilakukan bersama LPKP.

Pembangunan kapasiti dalaman MIROS amat penting bagi memastikan ia dapat menjalankan fungsinya dengan baik dan akan dapat terus memberi impak kepada usaha dan agenda keselamatan jalan raya Malaysia. Tahun 2008 menyaksikan peningkatan kapasiti MIROS dalam beberapa aspek : bilangan staf, pembangunan fizikal dan juga peningkatan keupayaan modal insan. Penambahan jawatan dari 65 pada tahun 2007 ke 136 pada tahun 2008 telah digunapakai sepenuhnya dengan pengisian jawatan yang menjadikan 76 staf tetap, 41 staf kontrak, 10 staf pinjaman dan 9 staf sambil diambil setakat penghujung tahun 2008. Sebuah organisasi baru seperti MIROS perlu banyak melaksanakan

penyediaan untuk modal insannya dari keperluan harian, hal-hal perkhidmatan dan juga bagi memastikan kesejahteraan semua. Pelbagai prosidur perlu dibangunkan dan tahun 2008 menyaksikan usaha-usaha ini dijalankan dengan giatnya.

Program latihan juga telah dapat dilakukan untuk memastikan tahap kompetensi staf MIROS sesuai dengan keperluan operasi MIROS, baik penyelidikan mahupun pentadbiran. Untuk tahun 2008, sebanyak 57 program latihan telah dijalankan yang meliputi program dalaman dan luaran.

Dari aspek fizikal, pejabat MIROS di Kajang juga telah ditambah bagi menampung keperluan staf tambahan. Di samping itu, perkhidmatan sistem maklumat bagi menyokong operasi MIROS juga telah dimantapkan pada tahun 2008.

Kapasiti penyelidikan staf MIROS terus diperkasakan melalui program-program penyelidikan di peringkat MIROS dan juga projek-projek penyelidikan di peringkat pusat-pusat penyelidikan.

Pusat RUBC telah memberi fokus kepada beberapa projek berkaitan pengguna,

“Sebuah organisasi baru seperti MIROS perlu banyak melaksanakan penyediaan untuk modal insannya dari keperluan harian, hal-hal perkhidmatan dan juga bagi memastikan kesejahteraan semua. Pelbagai prosedur perlu dibangunkan dan tahun 2008 menyaksikan usaha-usaha ini dijalankan dengan giatnya.”





“Beberapa kajian berkenaan pemandu kenderaan perdagangan telah dijalankan seperti kajian kelesuan pemandu kenderaan perdagangan, kajian kesan tempoh pemanduan dan kesan adanya pemandu kedua terhadap kelesuan, dan kajian gangguan tidur di kalangan pemandu bas ekspres...”

dan projek yang telah dimulakan pada tahun 2008, termasuk permulaan kepada usaha ke arah pembentukan Program Penilaian Pengguna Jalan Raya atau *Road User Assessment Programme* (RUAP). Penyelidikan untuk menilai aspek afektif dan kognitif dalam latihan pemanduan diteruskan bersama penilaian keupayaan psikomotor pemandu baharu menggunakan kenderaan berinstrumen MIROS. Pusat RUBC juga telah meneruskan kajian persepsi ditangkap (*Perception of Being Caught* (POBC)) sepanjang tahun 2008. Kajian POBC ini telah menjadi kayu ukur utama untuk penilaian keberkesanan aktiviti penguatkuasaan di seluruh negara. Di samping itu, usaha untuk memberi nilai kepada kemalangan jalan raya diteruskan melalui kajian *Value of Statistical Life*.

Pusat VSB telah memusatkan usaha penyelidikan mereka ke arah membantu menyelesaikan isu keselamatan dari aspek kenderaan dan pengendalian kenderaan. Beberapa kajian jangka pendek telah memberi impak kepada polisi terutamanya yang berkaitan dengan LPKP. Beberapa kajian berkenaan pemandu kenderaan perdagangan telah dijalankan seperti kajian kelesuan pemandu kenderaan perdagangan,

kajian kesan tempoh pemanduan dan kesan adanya pemandu kedua terhadap kelesuan dan kajian gangguan tidur di kalangan pemandu bas ekspres adalah tiga projek yang telah dilaksanakan. Penyelidik di VSB juga telah memulakan kajian yang melibatkan *crash compatibility*.

Di samping menumpukan perhatian kepada penyelidikan untuk jalan raya dan persekitarannya, pusat REER terus memberikan impak melalui pembangunan sistem pangkalan data kemalangan dan kajian dedahan risiko terhadap kemalangan jalan raya. Selari dengan pembangunan MROADS, REER juga telah membangunkan ‘Centralised System for Road Accident, Safety and Hazard Studies (CRASH) dengan mengembangkan keupayaan MROADS ke arah sebuah sistem yang lebih holistik. Kedua-dua MROADS dan CRASH dijangka akan membantu MIROS menjalankan penyelidikan berteraskan bukti dengan lebih berkesan. REER juga terus memberikan nilai parameter-parameter penting yang digunakan untuk mengukur darjah dedahan terhadap risiko perjalanan di Malaysia, seperti kilometer perjalanan kenderaan (VKT), kilometer perjalanan manusia (PKT), pemisahan

ragaman dan sebagainya. Penglibatan REER di dalam kajian rintis *International Road Assessment Programme* (iRAP) diteruskan dengan bermulanya beberapa penyelidikan yang meneliti keupaaan iRAP dalam membantu menaiktaraf tahap keselamatan jalan di Malaysia. Kajian sampingan lain seperti kajian sistem penenang lalu lintas di kawasan sekolah dan kajian untuk audit keselamatan jalan raya telah dijalankan.

Bagi mencapai impian misinya untuk menjadi sebuah institusi penyelidikan bertaraf antarabangsa, MIROS perlu berkecimpung dalam arena global. Tahun 2008 menyaksikan penglibatan aktif MIROS di peringkat antarabangsa. MIROS terlibat secara langsung di dalam beberapa projek antarabangsa, iaitu *Professional Development of Malaysian Traffic Police Officers Level 2* bersama Global Road Safety Partnership (GRSP), "Towards Helmet Standards for Vietnam bersama GRSP dan kerjasama serta penglibatan bersama iRAP semasa Seminar GRSP Asia. Wakil dari MIROS juga telah memegang beberapa jawatan dan menjadi ahli dalam beberapa badan dan pertubuhan antarabangsa, antaranya

sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal TC C.2, *Safer Road Operations* untuk World Road Association (PIARC), ahli Lembaga Road Traffic Injury Research Network (RTIRN), aktiviti ISO Malaysian Expert, Technical Committee Meeting on ISO/TC22/SC10 – Impact Test Procedures; Malaysian Expert, Technical Committee Meeting on ISO/TC22/SC12 – Passive Safety Crash Protection Systems; Pengerusi, Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Am, Malaysia; dan Timbalan Pengerusi Malaysian Global Road Safety Partnership (MGRSP). MIROS juga telah diterima masuk sebagai ahli International Road Traffic Accident Database (IRTAD).

Dalam masa yang sama, wakil MIROS telah dijemput untuk memberi ucapan di Swedish Road Safety Forum, Tylösand Conference di Halmstad, Sweden; Persidangan 2008 Australasian Road Safety Research, Policing and Education, Adelaide, Australia; bengkel World Side Impact Dummy (SID), Sydney Australia, forum antarabangsa untuk Harmonization for Vehicle Regulation 145th session, Geneva, Switzerland; dan ICRASH, Adelaide, Australia.

Jaringan bersama institusi di peringkat



"Tahun 2008 menyaksikan penambahan penyiasatan kemalangan yang dilakukan dari 65 untuk tahun 2007 ke 168 untuk tahun 2008."





Penyerahan tugas oleh Prof Dr Ir Radin Umar Radin Sohadi kepada Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah

antarabangsa telah dijalin, bersama Centre for Automotive Safety Research (CASR), University of Adelaide, Australian Road Research Board (ARRB), Centre for Accident Research and Road Safety Queensland (CARRSQ), Monash University Accident Research Centre (MUARC), French National Institute for Transport and Safety Research (INRETS), New South Wales Road Transport Authority (NSW RTA), Australia dan Insurance Australia Group (IAG) Research Centre, Australia.


Dalam penerbitan, tahun 2008 juga menyaksikan penerbitan dalaman yang meliputi empat (4) MIROS Research Report (MRR), dua (2) MIROS Evaluation Report (MER), satu (1) MIROS Standard Operating Procedure (MSOP) dan satu (1) MIROS Code of Practice (MCP).

Saya amat berbangga dengan pencapaian staf MIROS untuk tahun 2008, kerana semua ini telah dilakukan dalam suasana mencabar terutamanya apabila MIROS kehilangan Ketua Pengarahnya yang pertama 18 bulan selepas ia ditubuhkan.

Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Y. Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, Mantan Ketua Pengarah yang telah memberikan asas dan landasan yang mantap bagi MIROS untuk terus cemerlang dan gemilang pada masa hadapan. Sesungguhnya, tugas saya telah dijadikan mudah apabila misi, visi dan objektif serta organisasi di MIROS sudah dirancang dengan kemas dan bijak.

Saya juga tidak lupa kepada Y. Bhg. Dato' Zakaria bin Bahari, Pengerusi Lembaga Pengarah yang telah membantu perjalanan MIROS semasa ketiadaan Ketua Pengarahnya selama dua bulan. Tidak lupa juga kepada semua ketua jabatan dan staf MIROS yang berdedikasi yang telah membantu melicinkan perjalanan MIROS semasa ia kehilangan nakhodanya.

Pencapaian pada tahun 2008 amat memberangsangkan dan kini MIROS akan terus melonjak ke arah pencapaian visi dan misinya. Selamat maju jaya dan terima kasih.



Menurut kajian oleh MIROS, empat kesalahan utama yang dilakukan adalah melebihi kelajuan, tidak memakai topi keledar (untuk penunggang motosikal), melanggar lampu merah dan memotong di garisan berkembar.

Nur Fazzillah Mohamed Noordin, Pegawai Penyelidik MIROS

LEMBAGA PENGARAH



Y.Bhg. Dato' Hj. Zakaria bin Hj. Bahari
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia



Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Farhan bin Mohd. Sadullah
Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia



Y.Bhg. Datuk Suret Singh
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia



Y.Bhg. Dato' Long See Wool
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia



Y.Bhg. Datuk Hj. Shuib bin Md. Yusop
Setiausaha
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia



YDH SAC II Dato' Abd. Aziz bin Yusof
Ketua Trafik Pasukan
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia



Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Abu Hassan Asaari bin Abdullah
Pakar Perunding Traumatologi
Ketua Jabatan Kecemasan, Hospital Kuala Lumpur



Y.Bhg. Dato' Mohd. Nadzmi bin Mohd. Salleh
Pengerusi Eksekutif
NADICORP Holdings Sdn. Bhd.



Y.Bhg. Dato' Hj. Solah bin Mat Hassan
Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia



Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar bin Radin Sohadi
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia



Encik Razali bin Othman (Setiausaha)
Ketua
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia



Prof. Dr. Ahmad Farhan bin Mohd. Sadullah
Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya Malaysia



Prof. Madya Dr. Wong Shaw Voon
Pengarah
Pusat Penyelidikan Biomekanik &
Keselamatan Kenderaan



Prof. Madya Dr. Mohd Faudzi bin Mohd Yusoff
Pengarah
Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah Laku
Pengguna Jalan Raya



Jamilah binti Mohd Marjan
Pengarah
Pusat Penyelidikan Kejuruteraan
Keselamatan Jalan Raya & Alam Sekitar



Razali bin Othman
Ketua
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan



Sumangala Pillai
Ketua
Bahagian Penerbitan & Pengurusan Ilmu

VISI

Untuk muncul sebagai peneraju dunia dalam penyelidikan keselamatan jalan raya


MISI

Untuk memupuk sains dan kesenian dalam intervensi keselamatan jalan raya

FUNGSI

- Menjalankan penyelidikan berimpak tinggi yang akan ditafsirkan menjadi dasar keselamatan jalan raya
- Membangunkan objektif, dasar dan keutamaan nasional untuk pembangunan dan pengurusan penyelidikan keselamatan jalan raya yang tersusun
- Menambahbaik dan meningkatkan pengetahuan berdasarkan perkembangan baharu dalam isu-isu berkaitan dengan keselamatan jalan raya
- Berperanan sebagai agensi pemudahcara auditan dan pengakreditasi dalam reka bentuk kurikulum dan piawaian untuk keperluan keselamatan jalan raya
- Mengusulkan intervensi program berasaskan bukti yang cekap dari segi kos
- Berperanan sebagai pusat pengetahuan dan penghubung berkaitan dengan keselamatan jalan raya
- Berperanan sebagai pusat rundingan dan nasihat tentang isu-isu keselamatan jalan raya

CARTA ORGANISASI





Pejabat Ketua Pengarah memantau pentadbiran keseluruhan pentadbiran MIROS terutama dari segi penyelidikan untuk keselamatan jalan raya. Ia merangkumi Ketua Pengarah, Eksekutif Korporat dan Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah, staf perkeranian dan pemandu. Pejabat Ketua Pengarah juga bertanggungjawab dalam pemberian geran penyelidikan kepada penyelidikan dalaman dan juga penyelidikan bersama di antara MIROS dengan agensi penyelidikan yang berkaitan.



Prof. Dr. Ahmad Farhan bin Mohd. Sadullah
Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya Malaysia



PUSAT PENYELIDIKAN KEJURUTERAAN KESELAMATAN JALAN RAYA & ALAM SEKITAR (REER)



Jamilah binti Mohd Marjan
Pegawai Pusat Penyelidikan Kejuruteraan
Keselamatan Jalan Raya & Alam Sekitar



Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya & Alam Sekitar (REER) ini diketuai oleh seorang Pengarah, dan ia mempunyai tiga buah unit yang dibentuk untuk menerajui tiga jurusan khusus. Unit-unit tersebut adalah:

- i. Unit Pangkalan Data Kemalangan & Analisis,
- ii. Unit Perancangan Pengangkutan & Kejuruteraan Keselamatan Trafik, dan
- iii. Unit Kawalan Pendedahan & Kajian Perjalanan.

Antara matlamat utama Pusat ini adalah untuk

- i. menyediakan pangkalan data kemalangan dan kecederaan kebangsaan yang dikemaskinikan secara berterusan;
- ii. data peta kemalangan dengan menggunakan kod geografi, kod kemalangan RUM dan kod digital;
- iii. menjalankan analisis diagnostik terhadap kemalangan jalan raya dan penilaian intervensi keselamatan;
- iv. menjalankan penyelidikan berkenaan dengan reka bentuk jalan raya dan persekitaran jalan raya yang lebih selamat;
- v. mewujudkan model trafik berkaitan dengan kemudahan trafik dan pengangkutan; dan
- vi. menjalankan soal selidik ke atas kenderaan yang dijalankan secara tahunan untuk menilai kadar Perjalanan Kilometer Kenderaan (VKT) dan Perjalanan Kilometer Penumpang (PKT).

1. Puan Jamilah binti Mohd Marjan (Pengarah)
2. Norshahila Ashikin binti Abdul Rahman
3. Azzuhana binti Roslan
4. Hizal Hanis bin Hashim
5. Nurul Huda binti Jamaluddin
6. Hawa binti Mohammed Jamil
7. Akmalia binti Shabadin
8. Sharifah Allyana binti Syed Mohamed Rahim
9. W. Rumaizi bin W. Rusik
10. Siti Nazura binti Mohd Salleh
11. Noriah binti Saniran
12. Zamira binti Wan Ahmad
13. Nusayba binti Megat Johari
14. Saidatul Amanina binti Ariffin
15. Noor Aen binti Mohd Jalaludin
16. Wan Rahayu binti Wan Abdullah Sani
17. Wan Taherah binti Ibrahim
18. Zakaria bin Ramli
19. Alvin Poi Wai Hoong
20. Karim bin Ab Hadi
21. Rohayu binti Sarani
22. Azzemi bin Aziz
23. Nur Fazzillah binti Mohamed Nordin



Tiada dalam gambar

1. Ir Muhammad Marizwan bin Abd Manan
2. Ramizam bin Noor Zaman
3. Nor faizah binti Mohamad Khaidir
4. Mohd Faizal bin Mat Salleh
5. Noraida binti Jamaluddin
6. Muhd Hafiz bin Azahar



- 1 Prof. Madya Dr. Mohd Faudzi bin Mohd Yusoff (Pengarah)
- 2 Karen Judith Goonting
- 3 Muammar Quadaffi bin Mohd Ariffin
- 4 Ahmad Azad bin Ab. Rashid
- 5 Husaini bin Salleh
- 6 Abdullah bin Sukardi
- 7 Siti Hajar binti Idrus
- 8 Mohd Rosli bin Mohd Noor
- 9 Nurulhana binti Borhan
- 10 Astuti Marida binti Md Sarif
- 11 Mohd Syafiq bin Ibrahim
- 12 Maslina binti Musa
- 13 Norhayati binti Kamarulbahrain
- 14 Khairul Anuar bin Ideris
- 15 Mohd Khairul Alhaziz bin Ibrahim
- 16 Rabiah binti Riyas
- 17 Navindir Singh a/l Jesbir Singh
- 18 Ahmad Fakarudin bin Razali
- 19 Norhasikin binti Mohd Arshad
- 20 Noradrenalina binti Isah
- 21 Siti Nur Hidayah binti Osman
- 22 Nuura Addina binti Mohamad
- 23 Azli bin Abu Zarim
- 24 Sanizah binti Saleh
- 25 Muhammad Azam bin Dzulkfley
- 26 Norazila Edlin binti Zainal Abidin
- 27 Muhammad Afiq bin Zulkaply
- 28 Dr. Iskandar bin Abdullah



PUSAT PENYELIDIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU PENGGUNA JALAN RAYA (RUBC)

Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah laku Pengguna Jalan Raya menjalankan penyelidikan secara mendalam bagi mengenalpasti masalah dan kaedah terbaik bertujuan merubah tingkah laku ke arah memperkasakan keselamatan pengguna jalan raya. Diterajui oleh seorang Pengarah, pusat penyelidikan ini di bahagikan kepada tiga unit iaitu Unit Pendidikan dan Penilaian Media; Unit Faktor Manusia dan Kos Kemalangan Jalan Raya; dan Unit Rekabentuk dan Instrumentasi. Setiap unit mempunyai skop dan fokus penyelidikan yang lebih spesifik dalam menyumbang kepada objektif umum mempertingkatkan keselamatan jalan raya melalui tingkah laku yang lebih positif. Objektif utama pusat penyelidikan ini adalah untuk

- i. Mengkaji keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan advokasi keselamatan jalan raya;
- ii. Memahami secara mendalam psikologi tingkah laku pengguna jalan raya dan sosiologi pengangkutan;
- iii. Menilai kos kemalangan jalan raya dan keberkesanan pendidikan keselamatan jalan raya;
- iv. Mengkaji tingkah laku pengguna jalan raya melalui kaedah simulasi dan kenderaan berinstrumentasi;
- v. Memantau dan mengakreditasi institut memandu di seluruh negara



Prof. Madya Dr. Mohd Faudzi bin Mohd Yusoff
Pengarah Pusat Penyelidikan Perubahan
Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya



PUSAT PENYELIDIKAN BIOMEKANIK & KESELAMATAN KENDERAAN (VSB)



Prof. Madya Dr. Wong Shaw Voon
Pegarah Pusat Penyelidikan Biomekanik &
Keselamatan Kenderaan

Pusat Penyelidikan Biomekanik dan Keselamatan Kenderaan (VSB) diketuai oleh seorang Pengarah, dan dianggotai oleh pegawai-pegawai penyelidik dari disiplin kejuruteraan, perubatan dan pengurusan kualiti. Ianya terbahagi kepada empat unit khusus:


- i. Unit Penyelidikan Pra & Pasca Kecederaan,
- ii. Unit Kejuruteraan Keselamatan Kemalangan,
- iii. Unit Rekonstruksi Kemalangan, dan
- iv. Unit Kualiti, Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar.

Objektif utama Pusat ini adalah

- i. menghasilkan penyiasatan kebolehtahanan perlanggaran dalam mekanik kecederaan, biomekanik dan toleransi manusia terhadap kemalangan termasuk rekonstruksi kemalangan berkaitan kecederaan;
- ii. menjalankan penyelidikan terhadap rawatan trauma, rawatan pasca kecederaan, tindak balas kecemasan serta kecergasan perubatan pra dan pasca kemalangan;
- iii. mengkaji semula dasar dan pendekatan sedia ada ke arah penambahbaikan Prosedur Operasi Piawai, Kod Amalan dan Piawaian Industri melalui laporan teknikal dan penerbitan serta kertas cadangan;
- iv. melaksanakan ujian pengesahan terhadap impak kemalangan; dan
- v. memantau dan mengaudit pelaksanaan SHE.




- 1 Norhaliza binti Zalip
- 2 Ilhamah binti Othman
- 3 Siti Fairuz binti Ahmad Rani
- 4 Rosiah binti Ramli
- 5 Siti Atiqah binti Mohd Faudzi
- 6 Wahida binti Ameer Batcha
- 7 Noor Faradila binti Paiman
- 8 Maryatini binti Md Saad
- 9 Noor Kamaliah binti Alias
- 10 Rozitah binti Taib
- 11 Nurmaizah binti Jamsuri
- 12 Hazrul Affandy bin Hamilitdin
- 13 Mohamad Suffian bin Ahmad
- 14 Mohamad Sahidi bin Mushawir
- 15 Fazli bin Yusof
- 16 Ahmad Noor Syukri bin Zainal Abidin
- 17 Mohd Huzaifah bin Muntalip
- 18 Mohammad Mahafiz bin Abdul Rahim
- 19 Mohd Sukri bin Arifin
- 20 Mohammad Ridzuan bin Md Abd. Basah
- 21 Muhammad Syafeeq bin Ramli
- 22 Ir. Mohd Rasid bin Osman
- 23 Iskandar bin Abdul Hamid
- 24 **Prof. Madya. Dr Wong Shaw Voon (Pengarah)**
- 25 Dr. Norlen bin Mohamed
- 26 Khairil Anwar bin Abu Kassim
- 27 Mohd Khairudin bin Rahman
- 28 Zarir Hafiz bin Zulkipli
- 29 Abdul Rahmat bin Abdul Manap
- 30 Azhar bin Hamzah
- 31 Aqbal Hafeez bin Ariffin
- 32 Ir. Fuad bin Abas
- 33 Mohd Hafzi bin Md Isa
- 34 Tan Kean Lee
- 35 Yahaya bin Ahmad
- 36 Mohd Syazwan bin Solah
- 37 Dr. Muhammad Fadhli bin Mohd Yusoff





- 1 Razali bin Othman (Ketua Bahagian)
- 2 Julia binti Abdul Jalil
- 3 Saripah Ainon binti Syed Abdullah
- 4 Zurianti binti Zamrud
- 5 Nik Zakiah Bayani binti Nik Mansoor
- 6 Mohd Fauzi bin Mohamad Hussin
- 7 Wan Fadzlina binti Wan Mohamed
- 8 Juliana binti Jumahat
- 9 Azatulizra binti Ismail
- 10 Mohamad Saiful Nizam bin Abdul Latif
- 11 Fauziela binti Zulkifli
- 12 Nurhafidah binti Abd Malek
- 13 Shah Rizan bin Haji Paimon
- 14 Dianafiza binti Kamarudin
- 15 Syed Muhaimin bin Syed Hussain
- 16 Muhamad Zulkifli bin Che Halim
- 17 Sharum bin Hashim
- 18 Saiful Nizam bin Mohd Nor
- 19 Wan Kamal bin Wan Muda
- 20 Muhammad Syahir bin Zainon
- 21 Ismail Rafian bin Ibrahim
- 22 Wan Mohd Amirul Arif bin Wan Draman
- 23 Abdul Rashid bin Yaacub
- 24 Herwan bin Hasan



BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan terdiri daripada Unit Pentadbiran, Unit Kewangan serta Unit Latihan dan Pembinaan Kapasiti.

Tugas utama Bahagian ini adalah untuk

- i. merangka dan melaksanakan garis panduan berkaitan dengan pengurusan dan
- ii. pembangunan sumber manusia; menetapkan tatacara dan proses untuk penyelenggaraan infrastruktur dan pentadbiran umum;
- iii. mengurus kewangan dan akaun serta menyediakan bajet tahunan;
- iv. mengurus aset dan inventori, perancangan dan pemerolehan aset melalui tender atau rundingan secara langsung; dan
- v. merancang, mengurus dan menganjurkan kursus/bengkel untuk pembangunan kerjaya, peperiksaan dalam perkhidmatan dan menyelaraskan program pembangunan kompetensi untuk semua staf.



Razali bin Othman
Ketua Bahagian Pentadbiran & Kewangan



BAHAGIAN PENERBITAN DAN PENGURUSAN ILMU (PKM)



Sumangala Pillai

Ketua Bahagian Penerbitan & Pengurusan Ilmu

Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Ilmu terdiri daripada tiga unit. Unit Penerbitan, Unit Teknologi Maklumat dan Multimedia serta Perpustakaan dan Rangkaian Antara-bangsa. Antara tanggungjawab utama Bahagian ini ialah

- i. menerbitkan dan menyebarkan hasil penyelidikan dalam bentuk laporan penyelidikan, laporan penyiasatan dan kod amalan termasuk bahan penerbitan publisiti yang lain;
- ii. membangunkan perpustakaan sebagai sebuah wadah utama sumber keselamatan jalan raya serantau dengan hubungan yang meluas dengan organisasi-organisasi keselamatan jalan raya antarabangsa dan institut-institut penyelidikan; dan
- iii. merancang, menyusun dan membangunkan infrastruktur teknologi maklumat, sistem aplikasi untuk rangkaian internet dan intranet, akses dan pengeluaran maklumat di samping memastikan integriti data.



Dari kiri:

Wan Mohd Rizaluddin Bin Wan Ahmad

Khairul Nizam Bin Raffles

Mohd Zakry Bin Omar

Noor Sharieza Bin Mohamad

Farah Ain Binti Zulkefle

Nur Haneem Binti Mohamad Ali

Salina Binti Mustaffa

Siti Noor Zakyah Binti Hamsar

Nor Ashekin Binti Samsuri

Sarah Fidah Binti Mohamed Zin

Siti Hasnah Binti Hamzah

Tiada dalam gambar

Sumangala Pillai




PRESTASI KEWANGAN

Pendapatan

MIROS sebagai badan berkanun persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan masih lagi menerima sebahagian besar dananya daripada geran kerajaan untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraannya. Pada tahun 2008 sebanyak RM 22,096,000.00 telah diterima daripada geran kerajaan yang merupakan 99% daripada jumlah pendapatan MIROS bagi tahun 2008. Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 67% berbanding RM 13,200,000.00 pada tahun 2007 iaitu pada tahun pertama MIROS beroperasi. MIROS juga ada memperolehi pendapatan daripada sumber-sumber lain sebanyak RM 233,483.00 iaitu 1% daripada pendapatan 2008 berbanding hanya RM 9,252.00 pada tahun 2007.

Jadual 1 : Pendapatan diterima oleh MIROS bagi tahun 2007 dan 2008

Tahun \ Sumber Pendapatan	2007	2008
Geran Kerajaan	13,200,000.00	22,096,000.00
Pendapatan Lain	9,252.00	233,483.00
Jumlah Pendapatan	13,209,252.00	22,329,483.00




Jumlah perbelanjaan MIROS pada tahun 2008 tidak termasuk perbelanjaan harta modal adalah sebanyak RM 16,739,003.00 meningkat 314% daripada tahun 2007. Ini sebahagian besarnya adalah kerana peningkatan perbelanjaan untuk projek-projek penyelidikan yang telah mula berkembang pesat di MIROS di mana keperluan untuk menjalankan projek-projek penyelidikan mula dimantapkan dengan pembelian perkakasan serta kelengkapan yang sesuai.

Perbelanjaan pada tahun 2008 boleh dipecahkan kepada emolumen sebanyak RM 4,611,868.00 (28%), perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM 7,002,527.00 (42%), inventori sebanyak RM 4,359,645 (26%), pemberian dan kenaikan bayaran tetap sebanyak RM 16,640.00 (0.001%) dan susutnilai aset sebanyak RM 748,323.00 (4%).

Jadual 2 : Perbelanjaan bagi tahun 2007 dan 2008

Perbelanjaan \ Tahun	2007	2008
Emolumen	1,079,972.00	4,611,868.00
Perkhidmatan dan Bekalan	2,281,307.00	7,002,527.00
Inventori	155,770.00	4,359,645.00
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	146,530.00	16,640.00
Susut Nilai Aset	377,282.00	748,323.00
Jumlah Pendapatan	4,040,861.00	16,739,003.00







**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA**

Saya, **PROF. DR. AHMAD FARHAN BIN MOHD SADULLAH**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Akras Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
Ditulis oleh perorangan di atas
di Atas Nama Peraksaan
pada 11 JUN 2008




Di hadapan saya,




**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA**

Kami **DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI BAHARI** dan **PROF. DATO' IR. DR. RADIN UMAR BIN RADIN SCHADI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Akras Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk membolehkan pandangan yang benar dan sah sama berkenaan kedudukan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia pada **31 DISEMBER 2008** dan hasil kendalanya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga


DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI BAHARI
 NAMA
 BAHARI
 PENGURUSI
 11 JUN 2008
 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN,
 ARAS 7, BLOK D9, KOMPLEKS D,
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
 PERSEKUTUAN, 62616
 PUTRAJAYA

Bagi pihak Lembaga


**PROF. DATO' IR. DR. RADIN
 UMAR BIN RADIN SCHADI**
 NAMA
 11 JUN 2008
 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN,
 ARAS 7, BLOK D9, KOMPLEKS D,
